



Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/BKK:700-2/6/1Jld 7()
Tarikh : 20 Julai 2017

SEPERTI EDARAN

Dato'/Tuan,

KEPERLUAN PEMASANGAN PENGESAN ASAP BAGI RUMAH KEDIAMAN BERDASARKAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UBBL) 1984 PINDAAN 2012

Merujuk kepada mesyuarat Majlis Perundingan Khas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Badan Profesional Bil 2/2017 bertarikh 19 Mei 2017 adalah berkaitan.

2. Berdasarkan Jadual Kesepuluh, UBBL 1984 Pindaan 2012, keperluan untuk mengadakan pengesan asap disyaratkan di bawah kategori pangsapuri dan rumah pangsa yang bercirikan seperti berikut:-

- 2.1 Tangga dalam atau rekabentuk teras melebihi 10 tingkat atau ketinggiannya melebihi 30 meter;
- 2.2 Pangsapuri dengan sistem hawa dingin berpusat menggunakan sistem sesalur yang berketinggian enam (6) tingkat hingga 10 tingkat (kurang daripada 30 meter).

3. Hasil daripada mesyuarat JBPM bersama badan profesional telah memutuskan kaedah pemasangan pengesan asap bagi kedua-dua kategori bangunan adalah seperti berikut:-

- 3.1 **Sistem pengesan asap (Smoke detector system)**
Hendaklah diadakan di kawasan koridor umum.
- 3.2 **Alat pengesap asap jenis kuasa tersendiri (self contain smoke detector)**
Hendaklah diadakan di dalam rumah termasuk unit-unit bilik kecuali ruangan dapur.

“CEPAT DAN MESRA”



4. Sehubungan itu, diharapkan dengan pencerahan kaedah pemasangan pengesan asap tersebut akan dapat merungkai isu berkaitan keperluan jenis pemasangan yang diperlukan berdasarkan peruntukan UBBL 1984, Pindaan 2012.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HJ. ZAMRI BIN CHE DIN)

Ketua Seksyen Perakuan Bangunan

b.p Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

- s.k 1. YAS Ketua Pengarah
 2. YAS Penolong Ketua Pengarah (Operasi)
 3. YAS Penolong Ketua Pengarah (Pembangunan)